



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY

Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri,
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur,
MALAYSIA

Tel : 603 8000 8000
Faks (Fax) : 603 6206 4693
Laman Web (Web) : www.miti.gov.my
E-mel (E-mail) : webmiti@miti.gov.my

Ruj. Kami : MITI.100-1/8/1 JLD.2 (38)
Tarikh : 30 Oktober 2019

PUSAT TANGGUNGJAWAB
KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)

SURAT EDARAN BILANGAN 5 TAHUN 2019

GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)

1. TUJUAN

Surat Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Bahagian Akaun Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) mengenai Pengurusan Akaun Belum Terima seperti di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 Tatacara Pengurusan Terimaan.

2. LATAR BELAKANG

Garis Panduan ini menerangkan tanggungjawab PTJ/PP dan AO dalam melaksanakan pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) hasil di Kementerian/Jabatan bagi memastikan transaksi diperakaunkan dengan tepat dan betul dalam tempoh masa yang ditetapkan. Surat Edaran ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan WP 10.6 Pengurusan Akaun Belum Terima dan Lampiran E4 – Ringkasan Peraturan Berkaitan Akaun Belum Terima.

3. PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA

- 3.1 PTJ hendaklah memahami takrifan ABT dan tunggakan. ABT adalah amaun yang sepatutnya diterima tetapi belum diterima oleh Kerajaan yang wujud daripada peristiwa lampau. Tunggakan ABT adalah merupakan ABT yang telah melampaui tempoh matang yang telah ditetapkan.
- 3.2 PTJ tidak perlu memasukkan jumlah pinjaman yang telah diambil kira di peringkat BPOPA dan di dalam sistem *Loan Management System* (LMS). Ini adalah untuk mengelakkan pelaporan berganda ABT dalam Penyata Tahunan Kerajaan Persekutuan 2018 (Nota Kepada Penyata Kewangan – Nota 9(a)).
- 3.3 PTJ dikehendaki melaporkan ABT melalui **Bahagian Akaun** dengan mengambil kira semua jenis tunggakan mengikut format yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling Perbendaharaan WP 10.6 bagi Laporan ABT seperti pada **30 Jun dan 31 Disember** setiap tahun.
- 3.4 PTJ perlu memastikan pelaporan ABT dan tunggakan diselenggara dengan lengkap dan kemas agar membolehkan jumlah ABT dan tunggakan dilaporkan mengikut format yang ditetapkan bagi membantu pihak Pengurusan mengambil tindakan susulan;
- 3.5 PTJ hendaklah mengambil tindakan susulan untuk mendapatkan semula jumlah tunggakan bagi mengelakkan daripada berlaku hutang lapuk. Antara tindakan yang boleh diambil adalah seperti mengesan Penghutang dengan kerjasama Kementerian/Jabatan, panggilan telefon, penghantaran emel, surat tuntutan, surat-surat peringatan dan perbincangan.

3.5 PTJ perlu menganalisis tunggakan ABT untuk mengenal pasti amaun penjejasan berdasarkan MPSAS dan Manual Operasi Perakaunan Akruan (SOP Day 2). ABT melebihi tempoh enam (6) bulan tertunggak boleh dibuat penjejasan (jika berkenaan). PTJ bertanggungjawab untuk mengemukakan **permohonan kelulusan amaun Penjejasan Nilai ABT** kepada Bahagian Akaun Kementerian **sekurang-kurangnya sekali setahun (jika berkenaan)**.

3.6 Tindakan hapus kira hanya boleh diambil sekiranya segala usaha mengutip tunggakan telah dibuat serta tertakluk kepada polisi dalaman Kementerian/Jabatan berkaitan pengurusan ABT.


4. PENUTUP

4.1 PTJ perlu diingatkan untuk mematuhi segala peraturan kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa.

4.2 Sebarang pertanyaan berkaitan surat edaran ini boleh menghubungi pegawai-pegawai Unit Akaun Bahagian Akaun MITI di talian 03-6208 4902/ 4904/ 4907/ 4917.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD AZIZI BIN MOHD ASPAR C.A.(M)

Pengarah
Bahagian Akaun
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

sk : Pengarah Kanan Khidmat Pengurusan

Senarai Edaran

Pengarah
Bahagian Kewangan
Tingkat 24, Menara MITI

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Standard Malaysia
Level 4-7, Tower 2,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact, Cyber 6,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.